

Equipment Insurance - Mobile

WHEREAS the Insured named in the Schedule hereto has made to the Zurich General Insurance Malaysia Berhad (hereafter called the 'Company'), a Proposal and Declaration which shall be the basis of this Contract and which is deemed to be incorporated herein and has paid or agreed to pay the Premium stated in the aforesaid Schedule as consideration for the indemnity hereafter contained.

Now this Policy Witnesseth that if at any time during the Period of Insurance stated in the Schedule hereto or during any further period for which the Company may accept payment for the renewal or extension of this Policy, subject to the Terms Exceptions Limits and Conditions contained herein or endorsed hereon or attached hereto

The Company will indemnify the Insured against loss or damage to the Equipment specified in the Schedule :

- (a) by accidental collision or overturning or collision or overturning consequent upon mechanical breakdown or consequent upon wear and tear
- (b) by fire external explosion self ignition or lightning
- (c) by theft
- (d) by malicious act

At its own option the Company may pay in cash the amount of the loss or damage or may repair, reinstate or replace the Equipment or any part thereof or its standard accessories or parts but the liability of the Company shall not exceed the value of the parts lost or damaged and the reasonable cost of fitting or repairing such parts.

PROVIDED ALWAYS THAT the maximum liability of the Company in respect of any Equipment shall not in any case exceed the Sum Insured against such item and that the maximum liability of the Company shall not in any case exceed the Total Sum Insured.

EXCLUSIONS

The Company shall not be liable for :-

1. The first amount of each and every loss or damage described in the Schedule as the Excess
2. Loss of or damage to accessories and/or parts unless the equipment is stolen or damaged at the same time
3. Loss or damage sustained :-
 - a) outside the Territorial Limit stated in the Schedule
 - b) if the equipment is licensed for road use and for which a certificate of Motor Insurance is required.
 - c) whilst in transit (including loading and unloading).
 - d) whilst the Equipment is used
 - i) for racing pace-making reliability trial demonstration or speed testing
 - ii) for the carriage of passengers
 - iii) whilst drawing a trailer or towing any vehicle unless such towed vehicle is not towed for reward,
 - iv) not in connection with the Insured's business.
 - e) whilst the Equipment is operated by anyone who is under the influence of intoxicating liquor or drugs.
 - f) whilst the Equipment is operated on board any waterborne vessel.
4. Any consequential loss or legal liability whatsoever.
5. Loss or damage to records films or tapes other than by fire or theft (and then only for the value as unused material).
6. Loss of or damage caused by :
 - a) any latent or mechanical defect, mechanical derangement, mechanical or electrical failures breakdown, breakage, depreciation, atmospheric conditions or wear and tear and any other gradually operating cause.
 - b) overloading or strain.
 - c) explosion of any boiler forming part of or attached to or on the property insured.
 - d) rust, mildew, moth, vermin or in connection with any process of cleaning, dyeing, repairing, restoring, renovating or dismantling.

7. Loss of or damage to :-
 - a) tyres or wheels or tracks unless the Equipment is also damaged at the same time
 - b) the canopy unless caused by or resulting from the overturning of the Equipment
8. Loss or damage caused by or arising out of or contributed to by or traceable to earthquake, volcanic eruption, storm, tempest, flood, subsidence or landslip, typhoon, hurricane or other convulsion of nature
9. Loss or damage directly or indirectly proximately or remotely occasioned by contributed to by or traceable to or arising out of or in connection with any of the following occurrences namely
 - a) war, invasion, acts of foreign enemies, hostilities or warlike operations (whether war be declared or not) or civil war
 - b) mutiny, strike riot and civil commotion, military or popular rising, insurrection, rebellion, revolution, military or usurped power, martial law or state of siege or any of the event or causes which determine the proclamation or maintenance of martial law or state of siege
 - c) any act of any person acting on behalf of or in connection with any organization with activities directed towards the overthrow by force of the Government de jure or de facto or the influencing of it by terrorism or violence or loot sack or pillage in connection with any of the aforementioned occurrences.
 - d) delay, seizure, confiscation or detention by Government Authorities or by any direct or indirect consequences of any of the said occurrences and in the event of any claim hereunder the Insured shall prove that the loss or damage arose independently of and was in no way connected with or occasioned by or contributed to by or traceable to any of the said occurrences or any consequence thereof and in default of such proof the Company shall not be liable to make any payment in respect of such a claim.
 - e) any act of terrorism
10. a) Loss or damage directly or indirectly caused by or arising from or in consequence of or contributed to by ionizing radiation or contamination by radioactivity from any nuclear fuel or from any nuclear waste from the combustion of nuclear fuel. For the purpose of this exception combustion shall include any self-sustaining process of nuclear fission.
 - b) Loss or damage directly or indirectly caused by or contributed to by or arising from nuclear weapons material.

CONDITIONS

This Policy and the Schedule shall be read together as one contract and any word or expression to which a specific meaning has been attached in any part of this Policy or of the Schedule shall bear such specific meaning wherever it may appear.

1. The Insured shall take all reasonable precautions for the safety of the Property Insured and immediately upon the happening of any event giving rise or likely to give rise to a claim under this Policy, the Insured shall :-
 - (a) in the case of theft or loss give notice to the police and render all reasonable assistance in causing the discovery and punishment of any guilty person or persons and in tracing and recovering the Property.
 - (b) in all cases, give notice to the Company in writing and within 14 days thereafter deliver to the Company a claim in writing and supply all such detailed particulars and evidence documentary or otherwise in support of such claim as may be reasonably required by the Company.
2. The Company may at any time at its own expense use all legal means in the name of the Insured for recovery of any of the Property lost and the Insured shall give all reasonable assistance for the purpose. The Company shall be entitled to any Property for the loss of which a claim is paid hereunder and the Insured shall execute all such assignments and assurances of such Property as may be reasonably required but the Insured shall not be entitled to abandon any Property to the Company.
3. If at the time of the happening of any loss or damage covered by this Policy there shall be subsisting any other insurance of any nature whatsoever covering the Property Insured or any part thereof, whether effected by the Insured or not then the Company shall not be liable to pay or contribute more than its rateable proportion of any loss or damage. Upon the happening of any such loss or damage, the Insured shall give notice to the Company of all other insurances effected by the Insured or on the Insured's behalf covering the Property Insured under this Policy shall be payable by the Company until such notice shall have been received by the Company. Each item of this Policy shall be separately subject to this condition.
4. If a claim be made or on behalf of the Insured which shall be respect unfounded or fraudulent or intentionally exaggerated if any false declaration be made in support thereof or if any loss or damage be occasioned by or through the wilful act or with the knowledge or connivance of the Insured or any person acting on behalf of the Insured or the dishonest act of any person to whom the Equipment is entrusted, no claim shall be payable under this Policy.
5. All sums which may from time to time be paid under this Policy during each Period of Insurance shall be accounted in diminution of the respective Sums Insured so that during any one Period of Insurance the total sum payable by the Company shall not exceed the sum set opposite each item of the Property or in the whole the Total Sum Insured.

6. No claim shall be recoverable hereunder if the benefit of the contract herein contained shall become vested in any person other than the Insured unless the written consent of the Company thereto be first obtained.
7. If the Property Insured shall at the time of any event giving rise to a claim under this Policy be collectively of greater value than the sum insured thereon then the Insured shall be considered as being his own insurer for the difference and shall bear a rateable proportion of the loss accordingly. Every item of this Policy shall be separately subject to this Condition.
8. The Company shall be entitled to undertake in the name and on behalf of the Insured the absolute conduct control and settlement of any proceedings and to take proceedings at its own expense and for its own benefit but in the name of the Insured to recover compensation or secure indemnity from any third party in respect of anything covered by this Policy.
9. The Company at any time by giving 7 days' notice to the Insured by registered letter at the Insured's address as last known to the Company be at liberty to cancel this Policy provided that the Company shall in that event on demand return to the Insured a proportionate part of the premium corresponding to the unexpired Period of Insurance. This Policy may be cancelled at any time by the Insured on 7 days' notice to the Company and in such an event the Insured shall be entitled to a return of the Premium less premium at the Company's Short Period Rates for the time the Policy has been in force during the current Period of Insurance.
10. All differences arising out of this Policy shall be referred to the decision of an Arbitrator to be appointed in writing by the parties in difference or if they cannot agree upon a single Arbitrator to the decision of two Arbitrators one to be appointed in writing by each of the parties within one calendar month after having required in writing to do so by either of the parties or in case the Arbitrators do not agree of an Umpire appointed in writing by the Arbitrators before entering upon the reference. The Umpire shall sit with the Arbitrators and preside at their meetings and the making of an award shall be a condition precedent to any right of action against the Company. If the Company shall disclaim liability to the Insured for any claim hereunder and such claim shall not within twelve calendar months from the date of such disclaimer have been referred to arbitration under the provisions herein contained then the claim shall for all purposes be deemed to have been abandoned and shall not thereafter be recoverable hereunder.
11. The due observance and fulfillment of the Terms Conditions and Endorsements of this Policy by the Insured in so far as they relate to anything to be done or complied with by him and the truth of the statements and answers in the said proposal shall be conditions precedent to any liability of the Company to make any payment under this Policy.
12. It is a fundamental and absolute special condition of this contract of Insurance that the premium due must be paid and received by the Company within sixty (60) days from the inception date of this Policy/Endorsement/Renewal Certificate. If this condition is not complied with then this contract is automatically cancelled and the Company shall be entitled to the pro rata premium for the period they have been on risk. Where the premium payable pursuant to this warranty is received by an authorised agent of the Company, the payment shall be deemed to be received by the Company for the purposes of this warranty and the onus of proving that the premium payable was received by a person, including an insurance agent, who was not authorised to receive such premium shall lie on the Company. Subject otherwise to the terms and conditions of this Policy.

TAX PROVISION

All premium and fees payable under this Policy may be subject to Tax. If Tax is imposed, it will be stated in the invoice and Zurich General Insurance Malaysia Berhad reserves the right to claim or collect the Tax from the Insured in addition to the premium and/or fees payable under this Policy.

Tax shall mean any present or future, direct or indirect, tax, levy or duty, including consumption tax or any tax of similar nature, which is imposed on goods and services by government or tax authority.

IMPORTANT

The Insured shall read this Policy carefully and if any error or misdescription be found herein, or if the cover be not in accordance with the wishes of the Insured, advice should at once be given to the Company and the Policy returned for attention.

The benefit(s) payable under eligible product is protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact Zurich General Insurance Malaysia Berhad or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

In the event of discrepancy, ambiguity and conflict in interpreting any term or condition, the English version shall prevail and supersede the Bahasa Malaysia version.

PROCEDURES FOR MAKING INSURANCE COMPLAINTS

Please examine your insurance policy to ensure that it meets your requirement.

To avoid misunderstanding, it is very important that the Policy, the Schedule and any Endorsements attached therein be read thoroughly.

If you have any complaints or grievances pertaining to your policy, please contact your agent, if any, or get in touch with our issuing office. We assure you that your complaints will be attended to promptly.

As a responsible insurer, we wish to bring to your attention that you could also address your dissatisfaction to the Ombudsman for Financial Services (OFS) or to Bank Negara Malaysia's Customer Service Bureau (CSB) as listed below.

Procedures for complaint to OFS

If you are not satisfied with the decision of the Company, you may write to the Mediator with details of the dispute and particulars of your policy.

If the Mediator makes an award against the Company, you are required to inform the Mediator of your decision to accept or deny the award within fourteen (14) days.

If you do not accept the award, you may reject the decision of the Mediator. You are free to institute a court proceeding against the Company or refer it to Arbitration.

You may lodge a complaint with the company at:

Zurich General Insurance Malaysia Berhad

Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888 Call Centre: 1-300-888-622 E-mail: CallCentre@zurich.com.my

You may communicate with OFS at:

Ombudsman for Financial Services

(Formerly known as Financial Mediation Bureau)
Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.
Tel: 603-2272 2811 Fax: 603-2272 1577 Email: enquiry@ofs.org.my Website: www.ofs.org.my

Procedures for complaint to CSB

Alternatively you may put forward your dissatisfaction over the conduct of the Company by writing to CSB giving details of your complaint and particulars of your policy to :

Contact Centre (BNMTELELINK)

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK), Bank Negara Malaysia,
P.O.Box 10922, 50929 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK) (Overseas: +603-2174 1717) Fax: +603-2174 1515
Email: bnmtelemink@bnm.gov.my

Zurich General Insurance Malaysia Berhad

Registration No. 201701035345 (1249516-V)
Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888 Call Centre: 1-300-888-622
www.zurich.com.my



Insurans Peralatan - Bergerak

BAHAWASANYA Yang Diinsuranskan yang dinamakan dalam Jadual telah membuat cadangan dan perakuan kepada Zurich General Insurance Malaysia Berhad (seterusnya dirujuk sebagai “ Syarikat “), yang menjadi asas bagi Kontrak ini dan dianggap sebagai terkandung di dalamnya dan telah bersetuju untuk membayar Premium yang dinyatakan dalam Jadual sebagai pertimbangan untuk pampasan yang terkandung seterusnya.

Maka Polisi ini Menyaksikan bahawa jika pada sebarang masa ketika Tempoh Insurans yang dinyatakan di Jadual atau pada tempoh selepasnya, yang mana pihak Syarikat menerima bayaran bagi pembaharuan atau lanjutan Polisi ini, tertakluk kepada Had dan Peraturan Pengecualian Syarat-Syarat yang terkandung atau disahkan atau dilampirkan di sini

Syarikat akan menanggung kerugian atau kerosakan Peralatan yang dialami oleh Yang Diinsuranskan seperti yang dikhususkan dalam Jadual :

- a) Akibat pelanggaran atau terbalik akibat kemalangan atau pelanggaran atau terbalik akibat kerosakan mekanikal atau akibat kehausan dan kelusuhan.
- b) Akibat kebakaran letupan luaran yang meletus sendiri atau kilat.
- c) Akibat kecurian
- d) Akibat perbuatan berniat jahat.

Di atas pilihan sendiri, Syarikat mungkin membuat pembayaran dalam bentuk tunai bagi kerugian atau kerosakan yang dialami atau mungkin membaiki, memulih atau mengganti Peralatan berkenaan atau mana-mana bahagiannya atau aksesori standardnya atau alat gantinya, namun tanggungan Syarikat tidak boleh melebihi nilai alat ganti yang hilang atau rosak juga kos yang munasabah bagi memasang atau membaiki alat ganti berkenaan.

DENGAN SYARAT DALAM SEGALA HAL bahawa tanggungan maksimum Syarikat bagi mana-mana satu peralatan dalam setiap kes tidak melebihi Jumlah Diinsuranskan bagi peralatan tersebut dan tanggungan maksimum Syarikat dalam setiap kes tidak melebihi Jumlah Keseluruhan Diinsuranskan.

PENGECUALIAN

Syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap:-

1. Jumlah awal setiap dan segala kerugian atau kerosakan yang dinyatakan dalam Jadual sebagai Lebihan
2. Kerugian dan kerosakan aksesori dan / atau alat ganti melainkan peralatan tersebut dicuri atau rosak pada masa yang sama.
3. Sebarang kerugian dan kerosakan yang dialami :
 - a) Di luar Had Wilayah yang dinyatakan dalam Jadual
 - b) Sekiranya peralatan dilesenkan untuk kegunaan di jalan raya yang mana sijil Insurans Motor diperlukan.
 - c) Semasa dalam transit (termasuk memuat dan memunggah)
 - d) Semasa peralatan sedang digunakan untuk
 - i) Berlumba, menetapkan kelajuan, ujian kebolehpercayaan, demonstrasi atau ujian kelajuan.
 - ii) Membawa penumpang
 - iii) menarik treler atau menunda sebarang kenderaan melainkan kenderaan berkenaan ditunda bukan untuk mendapatkan ganjaran.
 - iv) Urusan yang tidak berkaitan dengan perniagaan Yang Diinsuranskan.
 - e) Semasa peralatan dikendalikan oleh seseorang yang berada di bawah pengaruh arak atau dadah.
 - f) Semasa peralatan digunakan di atas sebarang kenderaan pengangkutan air
4. Sebarang kerugian turutan atau tanggungan undang-undang.
5. Kerugian atau kerosakan kepada rekod, filem atau pita selain daripada kerana kebakaran atau kecurian (hanya untuk nilai bahan yang masih belum digunakan).

6. Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh :
 - a) sebarang kerosakan terpendam atau mekanikal, gangguan mekanikal, kegagalan kerosakan mekanikal atau elektrik, pecah, susut nilai, keadaan atmosfera atau kehausan dan kelusuhan dan sebarang punca operasi lain yang berlaku secara beransur-ansur.
 - b) beban atau tekanan berlebihan.
 - c) letupan mana-mana dandang yang membentuk sebahagian atau disambungkan kepada atau pada harta benda yang diinsuranskan.
 - d) karat, kulapuk, rama-rama, binatang perosak atau yang berkaitan dengan sebarang proses membasuh, mewarna, membaiki, memulih, mengubahsuai atau membuka.
7. Kerugian atau kerosakan kepada :
 - a) Tayar atau roda atau trek melainkan peralatan berkaitan juga rosak pada masa yang sama.
 - b) Kanopi melainkan disebabkan oleh atau akibat daripada Peralatan terbalik.
8. Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh, timbul daripada atau berlaku kerana atau dikesan kepada gempa bumi, ledakan gunung berapi, ribut, ribut kencang, banjir, penenggelaman bumi, tanah runtuh, taufan, hurikan atau sebarang bencana alam lain.
9. Kerugian atau kerosakan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, secara terus atau dari jarak jauh, berlaku kerana, disebabkan oleh atau dikesan kepada atau timbul daripada atau berkaitan dengan mana-mana kejadian berikut
 - (a) peperangan, serangan, tindakan musuh asing, pertempuran, atau operasi berupa peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau perang sivil.
 - (b) pemberontakan, mogok, rusuhan dan kekacauan awam, pemberontakan tentera atau awam, kebangkitan awam, keganasan, revolusi, kekuasaan tentera, darurat atau sebarang keadaan atau punca yang menyebabkan pemerintahan tentera atau pengepungan.
 - (c) sebarang tindakan oleh mana-mana orang yang bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana pertubuhan yang kegiatannya bertujuan untuk menggulingkan dengan kekerasan sebarang Kerajaan yang wujud secara sah atau secara hakikatnya atau untuk mempengaruhi melalui keganasan dan kekacauan atau pencurian, penjarahan atau rompak berkaitan dengan sebarang kejadian yang tersebut di atas.
 - (d) kelewatan, rampasan, penyitaan atau penahanan oleh Pihak Berkuasa Kerajaan atau oleh sebarang kesan langsung atau tidak langsung mana-mana kejadian sedemikian dan sekiranya terdapat sebarang tuntutan di bawah ini, Yang Diinsuranskan hendaklah membuktikan bahawa kerugian atau kerosakan tersebut timbul secara bebas dan tidak berkaitan langsung dengan atau disebabkan oleh atau berlaku kerana atau diakibatkan oleh kejadian sedemikian atau dikesan daripadanya dan sekiranya tiada bukti dikemukakan Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membuat pembayaran bagi tuntutan tersebut.
 - (e) sebarang perlakuan keganasan.
10. (a) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung atau antara lain disebabkan oleh atau timbul daripada radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif daripada sebarang bahan api nuklear atau dari sebarang sisa nuklear dari pembakaran bahan api nuklear. Khusus bagi tujuan Pengecualian ini, pembakaran merangkumi sebarang proses pembelahan nuklear yang berkekalan sendiri.
- (b) sebarang kerugian atau kerosakan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau antara lain disebabkan oleh bahan-bahan senjata nuklear.

SYARAT-SYARAT

Polisi ini dan Jadualnya hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan sebarang perkataan atau pernyataan yang disertakan dengan makna khusus dalam mana-mana bahagian Polisi atau Jadual hendaklah membawa makna khusus yang sama di mana juga ia digunakan.

1. Yang Diinsuranskan hendaklah mengambil segala langkah yang munasabah untuk keselamatan Harta Benda Yang Diinsuranskan dan sebaik sahaja berlaku sebarang kejadian yang menimbulkan atau mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini, Yang Diinsuranskan hendaklah:
 - a) dalam kes kecurian atau kehilangan, melaporkan kepada pihak polis dan memberikan segala bantuan yang sewajarnya dalam usaha mencari dan menghukum mana-mana orang atau orang-orang yang bersalah dan mengesan serta mendapatkan semula Harta Benda.
 - b) dalam semua kes, memberikan notis secara bertulis kepada Syarikat dan dalam tempoh 14 hari selepas kejadian tersebut menyerahkan kepada Syarikat tuntutan secara bertulis dan menyediakan segala butir-butir terperinci dan keterangan dalam bentuk dokumen atau selainnya untuk menyokong tuntutan tersebut, yang secara munasabah diperlukan oleh Syarikat.
2. Syarikat boleh pada bila-bila masa atas perbelanjaan sendiri menggunakan segala kaedah undang-undang di atas nama Yang Diinsuranskan untuk mendapatkan semula mana-mana Harta Benda yang hilang dan Yang Diinsuranskan hendaklah memberikan segala bantuan yang munasabah untuk tujuan tersebut. Sekiranya tuntutan telah dibayar di bawah Polisi ini untuk kehilangan mana-mana Harta Benda, ia akan menjadi hak milik Syarikat dan Yang Diinsuranskan hendaklah mengesahkan segala penyerahan hak atau jaminan terhadap Harta Benda tersebut yang secara munasabah diperlukan namun Yang Diinsuranskan tidak berhak melepaskan begitu sahaja mana-mana Harta Benda kepada Syarikat.

3. Jika pada waktu berlakunya sebarang kehilangan atau kerosakan yang dilindungi oleh Polisi ini, terdapat sebarang insurans lain dalam apa-apa bentuk yang melindungi Harta Benda Yang Diinsuranskan atau mana-mana bahagian daripadanya, sama ada diambil oleh Yang Diinsuranskan atau tidak, maka Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbang lebih daripada bahagian bersekadarnya bagi sebarang kerugian atau kerosakan. Sebaik sahaja berlaku sebarang kerugian atau kerosakan sedemikian, Yang Diinsuranskan hendaklah memberi notis kepada Syarikat mengenai semua insurans lain yang diambil oleh Yang Diinsuranskan atau bagi pihak Yang Diinsuranskan yang melindungi Harta Benda tersebut atau sebarang Harta Benda yang diinsuranskan di bawah Polisi ini dan tuntutan di bawah Polisi ini tidak akan dibayar oleh Syarikat sehingga notis sedemikian telah diterima oleh Syarikat. Setiap perkara yang dihuraikan dalam Polisi ini tertakluk kepada syarat ini secara berasingan.
4. Jika tuntutan dibuat oleh atau bagi pihak Yang Diinsuranskan yang dalam sebarang hal tidak berasas atau melibatkan penipuan atau sengaja ditokok tambah atau jika sebarang perakuan palsu dibuat untuk menyokongnya, atau jika sebarang kehilangan atau kerosakan disebabkan oleh atau kerana tindakan sengaja atau dengan pengetahuan atau secara bersubahat dengan Yang Diinsuranskan atau sesiapa yang bertindak bagi pihak Yang Diinsuranskan, bayaran tidak akan dibuat terhadap tuntutan di bawah Polisi ini.
5. Semua jumlah yang dibayar di bawah Polisi ini dari masa ke masa dalam setiap Tempoh Insurans akan dikira sebagai ditolak daripada Jumlah Yang Diinsuranskan masing-masing supaya dalam mana-mana satu Tempoh Insurans jumlah wang yang perlu dibayar oleh Syarikat tidak melebihi jumlah yang ditetapkan bagi setiap perkara dalam senarai Harta Benda atau Jumlah Yang Diinsuranskan secara keseluruhan.
6. Tuntutan di bawah Polisi ini tidak akan dibayar jika faedah di bawah kontrak yang terkandung di sini diserahkan kepada sesiapa selain daripada Yang Diinsuranskan, melainkan kebenaran secara bertulis Syarikat untuk berbuat demikian diperolehi terlebih dahulu.
7. Jika pada masa berlaku sebarang kejadian yang boleh menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini nilai secara kolektif Harta Benda Yang Diinsuranskan adalah lebih besar daripada Jumlah Yang Diinsuranskan, maka Yang Diinsuranskan hendaklah dianggap sebagai menanggung sendiri perbezaannya dan hendaklah menanggung bahagian bersekadar kerugian yang sewajarnya. Setiap perkara yang disenaraikan dalam Polisi ini hendaklah tertakluk kepada syarat ini secara berasingan.
8. Syarikat berhak untuk mengambil alih atas nama dan bagi pihak Yang Diinsuranskan kuasa mutlak untuk menjalankan, mengawal, dan menyelesaikan sebarang prosiding dan mengambil tindakan atas perbelanjaan sendiri dan untuk faedahnya sendiri tetapi atas nama Yang Diinsuranskan untuk menuntut pampasan atau mendapatkan ganti rugi daripada mana-mana pihak ketiga terhadap apa-apa yang dilindungi oleh Polisi ini.
9. Syarikat pada bila-bila masa, dengan memberi notis 7 hari kepada Yang Diinsuranskan menerusi surat berdaftar ke alamat terakhir yang diketahui oleh Syarikat, mempunyai hak sepenuhnya untuk membatalkan Polisi ini dengan syarat sekiranya ini berlaku Syarikat hendaklah, apabila diminta, memulangkan kepada Yang Diinsuranskan bahagian bersekadar premium berkaitan dengan Tempoh Insurans yang belum lupus. Polisi ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Yang Diinsuranskan dengan memberikan notis 7 hari kepada Syarikat dan sekiranya ini berlaku Yang Diinsuranskan adalah berhak mendapat bayaran balik premium setelah ditolak premium dikira pada Kadar Jangka Pendek Syarikat bagi tempoh Polisi berkaitan telah berkuatkuasa dalam Tempoh Insurans Semasa.
10. Segala percanggahan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah diputuskan oleh seorang Penimbangtara yang dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bercanggah, atau jika mereka tidak bersetuju dengan Penimbangtara Tunggal, akan diputuskan oleh dua Penimbangtara yang masing-masing dilantik secara bertulis oleh kedua pihak dalam tempoh satu bulan kalendar selepas diperlukan berbuat demikian secara bertulis oleh salah satu pihak, atau seandainya kedua-dua Penimbangtara tidak boleh mencapai persetujuan maka ia hendaklah diputuskan oleh seorang Pengadil yang dilantik secara bertulis oleh kedua Penimbangtara sebelum mendengar perkara yang dirujuk. Pengadil akan duduk bersama kedua Penimbangtara dan mempertimbangkan mesyuarat mereka dan satu keputusan mesti dibuat sebagai syarat sebelum mana-mana pihak berhak mengambil tindakan terhadap Syarikat. Jika Syarikat menolak tanggungan kepada Yang Diinsuranskan terhadap sebarang tuntutan di bawah Polisi ini dan tuntutan tersebut tidak dirujuk untuk penimbangtaraan di bawah peruntukan yang terkandung di sini dalam tempoh dua belas bulan kalendar dari tarikh penolakan tanggungan tersebut, maka tuntutan tersebut akan dianggap sebagai diabaikan dan tidak boleh diteruskan selepas itu di bawah Polisi ini.
11. Adalah menjadi syarat sebelum Syarikat menerima sebarang tanggungan untuk sebarang pembayaran di bawah Polisi ini, Yang Diinsuranskan dengan sewajarnya mematuhi dan memenuhi Peraturan-Peraturan, Syarat-Syarat dan Pengendorsan kepada Polisi ini, setakat yang melibatkan apa yang harus dilakukan atau dipatuhi olehnya dan kebenaran kenyataan dan jawapan-jawapan yang diberikan dalam Cadangan.
12. Adalah menjadi syarat khas asasi dan mutlak kepada kontrak Insurans ini bahawa premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh Syarikat dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh berkuatkuasanya Polisi/Pengendorsan/Sijil Pembaharuan ini. Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi maka kontrak ini dibatalkan secara automatik dan Syarikat berhak untuk mengenakan bayaran premium secara pro rata bagi tempoh mereka menanggung risiko. Di mana premium yang perlu dibayar di bawah waranti ini diterima oleh ejen Syarikat yang bertaualiah, bayaran tersebut hendaklah dianggap sebagai diterima oleh Syarikat untuk tujuan waranti ini dan tanggungjawab membuktikan premium yang perlu dibayar telah diterima oleh seseorang, termasuk ejen insurans yang tidak bertaualiah untuk menerima premium tersebut, terletak pada pihak Syarikat. Tertakluk selain ini kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat Polisi ini.

PERUNTUKAN CUKAI

Semua premium dan yuran di bawah Polisi ini mungkin tertakluk kepada Cukai. Sekiranya Cukai dikenakan, ia akan dinyatakan dalam invoice dan Zurich General Insurance Malaysia Berhad berhak untuk menuntut atau mengutip Cukai daripada pemilik polisi yang Diinsuranskan sebagai tambahan kepada premium dan/atau yuran yang perlu dibayar di bawah Polisi ini.

Cukai ialah apa-apa bayaran semasa atau akan datang, langsung atau tidak langsung, cukai, levi atau duti termasuk cukai penggunaan atau apa-apa cukai seumpamanya, yang dikenakan kepada barangan atau perkhidmatan oleh kerajaan atau pihak berkuasa percukaian.

PENTING

Yang Diinsuranskan hendaklah membaca Polisi ini dengan teliti, dan jika terdapat sebarang kesilapan atau salah tafsiran di dalamnya, atau jika perlindungan tidak mengikut kehendak Yang Diinsuranskan, Syarikat perlu diberitahu dengan serta-merta dan Polisi dikembalikan untuk diberi perhatian.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Zurich General Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Sekiranya terdapat kekeliruan, kekaburan dan konflik dalam pentafsiran mana-mana terma atau syarat, versi Bahasa Inggeris adalah terpakai dan mengatasi versi Bahasa Malaysia.

TATACARA UNTUK MEMBUAT ADUAN INSURANS

Sila periksa polisi insurans untuk memastikan bahawa ia memenuhi keperluan anda.

Bagi mengelakkan salah tafsiran, adalah penting bahawa Polisi, Jadual dan sebarang Endorsemen yang dilampirkan di sini dibaca keseluruhannya.

Jika anda mempunyai sebarang aduan atau ketidakpuasan hati berkenaan polisi anda, sila hubungi ejen anda, sekiranya ada, atau hubungi pejabat di mana polisi dikeluarkan.

Sebagai penginsurans yang bertanggungjawab, kami ingin memaklumkan bahawa anda juga boleh menyuarkan ketidakpuasan hati anda kepada Ombudsman for Financial Services atau kepada Pusat Khidmat Pelanggan, Bank Negara Malaysia yang disenaraikan di bawah.

Tatacara aduan kepada Ombudsman for Financial Services

Jika anda tidak berpuashati dengan keputusan pihak Syarikat, anda boleh menulis kepada pihak Pengantara dengan menyertakan maklumat mengenai percanggahan dan butir-butir polisi anda.

Jika pihak Pengantara membuat keputusan menyangkal tindakan Syarikat, anda dikehendaki memaklumkan pihak Pengantara mengenai keputusan anda untuk menerima atau menolak keputusan pihak Pengantara dalam masa empat belas (14) hari.

Jika anda tidak bersetuju dengan keputusan berkenaan, anda boleh menolak keputusan Pengantara. Anda bebas untuk mengambil tindakan mahkamah terhadap pihak Syarikat atau merujukkannya kepada pihak Penimbangtaraan.

Anda boleh membuat aduan dengan pihak syarikat di:

Zurich General Insurance Malaysia Berhad

Tingkat 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622 E-mel: CallCentre@zurich.com.my

Anda boleh menghubungi Ombudsman for Financial Services di

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)

(Dulu dikenali sebagai Biro Timbang Tara Kewangan)

Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.
Tel: 603-2272 2811 Faks: 603-2272 1577 E-mel: enquiry@ofs.org.my Laman web:www.ofs.org.my

Tatacara aduan kepada Pusat Khidmat Pelanggan

Sebagai pilihan, anda boleh mengemukakan ketidakpuasan hati anda mengenai tindakan Syarikat dengan menulis kepada Pusat Khidmat Pelanggan dengan menyertakan aduan dan butir-butir polisi anda kepada :

Pusat Perhubungan (BNMTELELINK)

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK), Bank Negara Malaysia,
Peti Surat 10922, 50929 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK) (Luar negara: +603-2174 1717) Faks: 03-2174 1515
E-mel: bnmteletelink@bnm.gov.my

Zurich General Insurance Malaysia Berhad

No. Pendaftaran 201701035345 (1249516-V)

Tingkat 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622

www.zurich.com.my

